

Pembinaan Kit Media *Kokabut* Berasaskan Model Addie Untuk Pengajaran Bahasa Kadazandusun Sekolah Rendah

The Development of The Kokabut Kit Media For Teaching The Kadazandusun Language in Primary Schools Using The Addie Model

Nezirah Junis

nezirahjunis@gmail.com

Norjietta@Julita Taisin

norjietta@fbk.upsi.edu.my

*Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.*

Received: 04 May 2026; Published: 12 June 2026

Cite this article (APA) as:

Junis, N., & Taisin, N. (2026). Pembinaan Kit Media *Kokabut* Berasaskan Model Addie Untuk Pengajaran Bahasa Kadazandusun Sekolah Rendah . *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 14 (1), 1 - 12. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/212>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan membina dan menilai Kit Media *KOKABUT* berasaskan Model *ADDIE* bagi pengajaran kosa kata Bahasa Kadazandusun di peringkat sekolah rendah dengan memanfaatkan busana tradisional etnik Kadazandusun sebagai sumber pembelajaran. Pendekatan reka bentuk dan pembangunan (*Design and Development Research, DDR*) digunakan dengan melibatkan fasa analisis keperluan, reka bentuk dan pembangunan, serta penilaian kebolegunaan. Seramai 30 orang guru Bahasa Kadazandusun sekolah rendah di daerah Ranau Sabah, terlibat sebagai responden, manakala data dikumpulkan melalui soal selidik berskala Likert empat mata dan dianalisis secara statistik deskriptif menggunakan nilai min dan peratusan. Dapatan menunjukkan bahawa keperluan pembangunan Kit Media *KOKABUT* berada pada tahap tinggi dengan nilai min antara 3.33 hingga 3.63 dan peratus persetujuan antara 90% hingga 100%, sementara tahap kebolegunaan kit media juga tinggi dengan nilai min antara 3.30 hingga 3.67 serta peratus persetujuan melebihi 90%. Kesimpulannya, Kit Media *KOKABUT* didapati sesuai, praktikal dan berkesan untuk digunakan dalam pengajaran Bahasa Kadazandusun di sekolah rendah serta memberi implikasi terhadap pengayaan amalan pedagogi guru dan pemeraksanaan bahasa serta budaya etnik Kadazandusun melalui pendidikan formal.

Kata Kunci: Kit media *KOKABUT*, bahasa Kadazandusun, kosa kata, model *ADDIE*, busana tradisional

ABSTRACT

This study aims to develop and evaluate the KOKABUT Media Kit for teaching Kadazandusun language vocabulary at the primary school level. Sources are taken from traditional Kadazandusun ethnic costumes. This kit was developed based on the ADDIE Instructional Design Model. Specifically, this study aims to identify the needs of the media kit development, build the KOKABUT Media Kit based on those needs, and evaluate its usability in terms of content, design and effectiveness of use in teaching and learning. This study utilizes a Design

and Development Research (DDR) approach involving three main phases; needs analysis, design and development, and implementation and evaluation. A total of 30 primary school Kadazandusun language teachers in Ranau district, participated as respondents. Data were collected using a four-point Likert scale questionnaire and analysed through descriptive statistics using means and percentages. Findings indicate that the need for developing the KOKABUT Media Kit at high level, with mean values ranging from 3.33 to 3.63 and agreement percentages between 90% and 100%. Regarding usability, all items recorded high mean values between 3.30 and 3.67, with agreement percentages exceeding 90%, showing that the media kit is user-friendly, appropriate for students' levels, and effective in supporting vocabulary instruction. In conclusion, the KOKABUT Media Kit is found to be relevant and practical for primary school use. This study carries implications for teachers' pedagogical practices, the development of local culture-based teaching materials, and efforts to preserve the Kadazandusun language and culture through formal education.

Keywords: *Media kit KOKABUT, Kadazandusun language, language vocabulary, ADDIE model, traditional kadazandusun ethnic costumes*

PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang terkenal dengan kepelbagaian kaum, budaya, bahasa dan adat resam yang membentuk identiti masyarakat majmuk yang unik. Kepelbagaian ini bukan sahaja menjadi kekuatan negara dari sudut sosial dan budaya, malah turut diiktiraf sebagai warisan yang perlu dipelihara dan diperkasakan secara berterusan melalui pelbagai medium, termasuk sistem pendidikan formal. Pendidikan berperanan sebagai wahana penting dalam memindahkan nilai, bahasa dan budaya kepada generasi muda agar kesinambungan warisan dapat dikekalkan selari dengan pembangunan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018).

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, bahasa ibunda dan bahasa etnik memainkan peranan penting dalam membentuk identiti, jati diri serta kefahaman budaya dalam kalangan murid. Pengiktirafan terhadap bahasa etnik dalam sistem pendidikan mencerminkan usaha negara untuk memelihara kepelbagaian linguistik dan budaya, khususnya di wilayah Borneo yang merangkumi negeri Sabah dan Sarawak. Negeri Sabah mempunyai kepelbagaian etnik yang tinggi seperti Kadazan, Dusun dan Murut (KDM) yang masing-masing memiliki bahasa, dialek, adat resam serta budaya yang tersendiri. Menurut Abdul Nassir dan Abdul Nassir Mohammad Mahadi (2010), Sabah mempunyai sebanyak 35 etnik dan 215 subetnik yang dikenal pasti berdasarkan ciri pertuturan bahasa, dialek, agama, adat resam dan amalan budaya.

Bahasa Kadazandusun berperanan sebagai medium penting dalam penyampaian nilai budaya dan warisan masyarakat Kadazandusun. Selain berfungsi sebagai alat komunikasi, bahasa ini turut menjadi wahana pemindahan ilmu dan pengetahuan tempatan kepada generasi muda. Sehubungan itu, Bahasa Kadazandusun telah diperkenalkan dalam sistem pendidikan formal sebagai mata pelajaran elektif di sekolah rendah di Sabah sejak sekitar tahun 1997. Walau bagaimanapun, pelaksanaan pengajaran Bahasa Kadazandusun masih berhadapan dengan cabaran, khususnya dalam aspek penguasaan kosa kata serta kekurangan bahan bantu mengajar yang bersesuaian dengan tahap perkembangan murid (Norjietta Taisin et al., 2022; Julita Norjietta Taisin et al., 2024).

Dalam pengajaran bahasa, kosa kata merupakan asas kepada pembinaan kemahiran berbahasa seperti membaca, bertutur dan menulis. Kekurangan pendedahan kepada kosa kata yang bersifat kontekstual boleh menyukarkan murid memahami makna perkataan dan menggunakannya dalam situasi pembelajaran. Oleh itu, keperluan terhadap bahan bantu mengajar yang kontekstual, mesra murid dan selari dengan latar budaya tempatan menjadi semakin signifikan dalam pengajaran Bahasa Kadazandusun di sekolah rendah. Dalam konteks

ini, busana tradisional etnik Kadazandusun yang kaya dengan simbol, motif dan istilah budaya berpotensi dimanfaatkan sebagai sumber pengajaran kosa kata. Namun demikian, guru Bahasa Kadazandusun masih berdepan dengan kekangan dari segi ketersediaan bahan pengajaran yang sistematik dan mudah digunakan. Justeru, pembangunan bahan pengajaran yang dirancang secara teratur berasaskan model reka bentuk instruksional amat diperlukan. Model ADDIE (Analysis, Design, Development, Implementation, Evaluation) dilihat sesuai digunakan kerana pendekatannya yang sistematik dan berfasa (Branch, 2009; Gustafson & Branch, 2002).

Sehubungan itu, kajian ini memberi tumpuan kepada pembinaan Kit Media *KOKABUT* berasaskan Model ADDIE bagi menyokong pengajaran kosa kata Bahasa Kadazandusun di sekolah rendah dengan mengintegrasikan elemen busana tradisional etnik Kadazandusun sebagai sumber pembelajaran.

LATAR BELAKANG

Kajian ini memfokuskan kepada pembinaan Kit Media *KOKABUT* bagi pengajaran kosa kata Bahasa Kadazandusun di sekolah rendah yang bersumberkan pakaian tradisional etnik Kadazandusun dan dibina berasaskan Model ADDIE. Pakaian tradisional merupakan unsur budaya yang kaya dengan nilai estetika, simbolik serta istilah khusus yang mencerminkan identiti sesuatu etnik. Oleh itu, elemen pakaian tradisional berpotensi dimanfaatkan sebagai sumber pedagogi yang sesuai dalam pengajaran kosa kata, khususnya bagi murid sekolah rendah yang memerlukan rangsangan visual serta konteks pembelajaran yang dekat dengan pengalaman mereka. Bahasa berperanan sebagai medium utama dalam penyampaian ilmu, pembentukan jati diri serta pewarisan budaya sesuatu masyarakat. Dalam konteks masyarakat Kadazandusun di Sabah, bahasa bukan sahaja berfungsi sebagai alat komunikasi, malah menjadi wahana penting dalam mengekalkan adat, nilai dan identiti etnik. Namun demikian, arus globalisasi dan perubahan gaya hidup moden telah memberi kesan terhadap penggunaan bahasa ibunda, khususnya dalam kalangan generasi muda. Oleh itu, usaha memelihara dan memperkukuh Bahasa Kadazandusun melalui sistem pendidikan formal menjadi semakin signifikan (Abdul Nassir & Abdul Nassir Mohammad Mahadi, 2010).

Pengajaran Bahasa Kadazandusun telah dilaksanakan secara formal di sekolah rendah sejak tahun 1997 sebagai mata pelajaran bahasa peminatan dan diselaraskan di bawah Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Dalam pengajaran bahasa, penguasaan kosa kata merupakan komponen asas yang menyokong kemahiran berbahasa lain seperti membaca, bertutur dan menulis. Walau bagaimanapun, kajian menunjukkan bahawa penguasaan kosa kata Bahasa Kadazandusun masih menjadi cabaran kepada murid, khususnya kosa kata yang berkaitan dengan elemen budaya seperti pakaian tradisional (Julita Norjietta Taisin, 2022). Keadaan ini turut dipengaruhi oleh kekurangan bahan bantu mengajar yang berasaskan budaya tempatan serta pendekatan pengajaran yang masih bergantung kepada teks dan kaedah konvensional (Norjietta Taisin et al., 2024).

Sehubungan itu, pakaian tradisional etnik Dusun dilihat berpotensi dijadikan sumber pengajaran kosa kata kerana mengandungi pelbagai istilah budaya yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat setempat. Bagi memenuhi keperluan tersebut, satu Kit Media *KOKABUT* dibina dalam bentuk kad imbas yang memaparkan ilustrasi pakaian tradisional bersama label kosa kata Bahasa Kadazandusun. Kad imbas dipilih kerana fleksibel, mudah digunakan serta sesuai dilaksanakan dalam pelbagai aktiviti pengajaran seperti padanan gambar-perkataan, latihan sebutan dan permainan bahasa. Pembinaan Kit Media *KOKABUT* ini berasaskan Model ADDIE yang merangkumi fasa Analisis, Reka Bentuk, Pembangunan, Pelaksanaan dan Penilaian (Branch, 2009; Gustafson & Branch, 2002). Model ini membolehkan bahan pengajaran dibina secara sistematik serta berpandukan analisis keperluan guru. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi membina Kit Media *KOKABUT* berasaskan Model

ADDIE dan menilai kesesuaiannya sebagai bahan sokongan pengajaran kosa kata Bahasa Kadazandusun di sekolah rendah.

SOROTAN LITERATUR

Sorotan literatur dalam kajian ini menumpukan kepada beberapa aspek utama yang berkaitan dengan pembinaan Kit Media *KOKABUT* sebagai bahan bantu mengajar bagi pengajaran kosa kata Bahasa Kadazandusun berasaskan elemen budaya busana tradisional etnik Kadazandusun. Perbincangan merangkumi teori pembelajaran, pengajaran kosa kata, pembangunan bahan bantu mengajar (BBM) serta integrasi elemen budaya dalam pengajaran bahasa di peringkat sekolah rendah. Kajian literatur diperoleh daripada pelbagai sumber akademik seperti jurnal ilmiah, tesis, prosiding persidangan dan buku rujukan yang berkaitan.

Tinjauan literatur memainkan peranan penting dalam mengenal pasti jurang penyelidikan serta membina asas teori yang menyokong pembentukan kerangka konseptual kajian. Menurut Creswell (2014), sorotan literatur membantu penyelidik memahami konteks kajian, mengenal pasti arah penyelidikan yang sesuai serta menyokong pembentukan soalan kajian dan reka bentuk penyelidikan. Bagi A. Halim Ali (2019) sorotan yang dilakukan ini bertujuan untuk melihat, mengenal pasti kelebihan, kekurangan daripada pelbagai aspek berkenaan permasalahan kajian yang boleh dijadikan asas untuk menjustifikasikan penyelidikan baharu dibuat. Dalam kajian ini, teori Konstruktivisme dan Teori Pembelajaran Kontekstual dijadikan landasan utama bagi menyokong pembinaan bahan pengajaran yang mengaitkan pembelajaran dengan pengalaman dan persekitaran murid.

Selain itu, kajian terdahulu menunjukkan bahawa penggunaan bahan bantu mengajar yang mengintegrasikan elemen budaya tempatan dapat meningkatkan kefahaman dan minat murid dalam pembelajaran bahasa. Hashim dan Embi (2016) menegaskan bahawa pengintegrasian budaya dalam pengajaran menjadikan pembelajaran lebih kontekstual dan bermakna, manakala Wulandari (2021) mendapati bahawa pembelajaran bahasa menjadi lebih berkesan apabila dikaitkan dengan pengalaman kehidupan murid.

Dalam kajian ini, Model ADDIE digunakan sebagai panduan pembangunan Kit Media *KOKABUT* kerana pendekatannya yang sistematik dan berstruktur dalam mereka bentuk bahan pengajaran (Branch, 2009). Oleh itu, sorotan literatur ini menyediakan asas teori dan praktikal yang menyokong pembangunan kit media berasaskan budaya dalam pengajaran kosa kata Bahasa Kadazandusun.

Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual kajian ini dibina berasaskan Model Reka Bentuk Pengajaran ADDIE yang merangkumi lima fasa utama iaitu Analysis, Design, Development, Implementation dan Evaluation. Model ADDIE digunakan sebagai rangka kerja utama kerana pendekatannya yang sistematik dan berfasa dalam pembangunan bahan pengajaran, khususnya yang berfokus kepada keperluan pengguna seperti guru sebagai pelaksana pengajaran Bahasa Kadazandusun di sekolah rendah (Branch, 2009). Walau bagaimanapun, pelaksanaan model ini dalam kajian disesuaikan dengan pendekatan kajian reka bentuk dan pembangunan (Design and Development Research, DDR). Selaras dengan pendekatan tersebut, fasa-fasa ADDIE digabungkan kepada tiga fasa utama iaitu Analisis, Reka Bentuk dan Pembangunan, serta Pelaksanaan dan Penilaian bagi menyesuaikan dengan skop kajian dan konteks pembinaan Kit Media *KOKABUT* (Gustafson & Branch, 2002; Richey & Klein, 2007).


Fasa Analisis menumpukan kepada pengenalpastian keperluan guru Bahasa Kadazandusun melalui soal selidik bagi mengenal pasti kekangan dalam pengajaran kosa kata serta keperluan bahan bantu mengajar berasaskan budaya tempatan. Seterusnya, fasa Reka

Bentuk dan Pembangunan melibatkan perancangan kandungan kosa kata, pemilihan elemen busana tradisional etnik Kadazandusun serta pembinaan Kit Media KOKABUT dalam bentuk kad imbas yang menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP). Fasa Pelaksanaan dan Penilaian pula merangkumi penggunaan kit media oleh guru serta penilaian kebolehgunaannya berdasarkan maklum balas pengguna.

Kerangka konseptual ini turut disokong oleh teori konstruktivisme yang menekankan pembelajaran sebagai proses pembinaan makna melalui pengalaman dan konteks pembelajaran (Piaget, 1954; Ausubel, 1963). Oleh itu, pengintegrasian Model ADDIE dan pendekatan pembelajaran kontekstual dalam kajian ini menyediakan asas yang sistematik bagi pembinaan dan penilaian Kit Media KOKABUT sebagai bahan sokongan pengajaran kosa kata Bahasa Kadazandusun di sekolah rendah.

Rajah 1. Kerangka Konseptual Berasaskan Model ADDIE

Rajah 1 menunjukkan fasa-fasa ADDIE telah digabungkan secara berperingkat iaitu fasa



Analisis, fasa Reka Bentuk dan Pembangunan, serta fasa Pelaksanaan dan Penilaian bagi menyesuaikan dengan skop kajian dan konteks pembinaan Kit Media KOKABUT di peringkat sekolah rendah.

Asas Teori Kajian

Kajian ini berlandaskan Teori Konstruktivisme dan Teori Pembelajaran Kontekstual (*Contextual Teaching and Learning, CTL*) sebagai asas dalam pembinaan Kit Media KOKABUT bagi pengajaran kosa kata Bahasa Kadazandusun. Kedua-dua teori ini menekankan pembelajaran yang aktif, berasaskan pengalaman serta berkait rapat dengan konteks kehidupan murid.

Teori konstruktivisme menegaskan bahawa pengetahuan tidak diperoleh secara pasif,

tetapi dibina secara aktif oleh murid melalui pengalaman, interaksi sosial dan refleksi terhadap persekitaran mereka (Piaget, 1977; Vygotsky, 1978). Dalam konstruktivisme kognitif, Piaget menjelaskan bahawa murid membina pengetahuan melalui proses asimilasi dan penyesuaian (*accommodation*), iaitu dengan mengaitkan maklumat baharu dengan skema sedia ada bagi membentuk struktur kognitif yang lebih kompleks. Sementara itu, konstruktivisme sosial yang diperkenalkan oleh Vygotsky menekankan kepentingan interaksi sosial dalam pembelajaran melalui konsep *Zone of Proximal Development (ZPD)*, di mana guru berperanan sebagai fasilitator yang memberi sokongan atau *scaffolding* kepada murid sehingga mereka mampu melaksanakan tugas secara berdikari (Wood, Bruner & Ross, 1976). Dalam kajian ini, teori konstruktivisme menyokong penggunaan Kit Media *KOKABUT* yang membolehkan murid membina pemahaman kosa kata melalui aktiviti visual, interaksi dan pengalaman pembelajaran yang berasaskan budaya.

Selain itu, kajian ini turut disokong oleh Teori Pembelajaran Kontekstual (CTL) yang menekankan bahawa pembelajaran menjadi lebih berkesan apabila murid dapat mengaitkan pengetahuan baharu dengan pengalaman kehidupan sebenar (Johnson, 2002). Dalam konteks kajian ini, penggunaan busana tradisional etnik Kadazandusun sebagai sumber pengajaran membolehkan murid mengaitkan kosa kata dengan objek, simbol dan situasi budaya yang dekat dengan kehidupan mereka. Pendekatan kontekstual ini bukan sahaja memudahkan pemahaman dan meningkatkan daya ingatan murid, malah menjadikan pembelajaran lebih bermakna dan relevan (Hashim & Embi, 2016). Secara keseluruhannya, penggabungan Teori Konstruktivisme dan Teori Pembelajaran Kontekstual menyediakan asas pedagogi yang kukuh dalam pembinaan Kit Media *KOKABUT*, kerana kedua-duanya menekankan pembelajaran aktif, pengalaman konkrit dan integrasi budaya dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa.

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan untuk membina Kit Media *KOKABUT* berasaskan Model ADDIE bagi menyokong pengajaran kosa kata Bahasa Kadazandusun di sekolah rendah. Kit media ini merujuk kepada Kit Media Kosa Kata Busana Tradisional (*KOKABUT*) yang menggunakan elemen busana tradisional etnik Kadazandusun sebagai sumber kandungan kosa kata. Pemilihan elemen budaya tempatan ini berasaskan pendekatan pedagogi kontekstual yang menekankan bahawa pembelajaran menjadi lebih berkesan apabila dikaitkan dengan pengalaman dan persekitaran murid (Johnson, 2002; Piaget, 1970).

Pembinaan kit media ini dilaksanakan secara sistematik berpandukan Model ADDIE yang merangkumi fasa analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian. Pendekatan ini memastikan bahan pengajaran dibangunkan secara terancang serta memenuhi keperluan pengguna dalam konteks pengajaran Bahasa Kadazandusun di sekolah rendah (Branch, 2009; Gustafson & Branch, 2002).

Secara khusus, kajian ini dilaksanakan melalui tiga fasa utama selaras dengan pendekatan kajian reka bentuk dan pembangunan. Fasa pertama melibatkan analisis keperluan bagi mengenal pasti kekangan dalam pengajaran kosa kata serta keperluan guru dan murid. Fasa kedua menumpukan kepada reka bentuk dan pembangunan Kit Media *KOKABUT* yang merangkumi penyusunan kandungan kosa kata berasaskan busana tradisional, perancangan aktiviti PdP yang interaktif serta penghasilan bahan visual dan panduan penggunaan. Fasa ketiga melibatkan pelaksanaan dan penilaian kit media melalui penggunaan dalam PdP serta pengumpulan maklum balas guru mengenai kesesuaian kandungan dan kebolegunaan bahan.

Data kajian dikumpul menggunakan soal selidik yang melibatkan guru Bahasa Kadazandusun sebagai responden. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan statistik deskriptif bagi menilai tahap keperluan dan kebolegunaan Kit Media *KOKABUT*.

Pendekatan metodologi ini diharapkan dapat menghasilkan bahan pengajaran yang praktikal serta menyokong pengajaran kosa kata Bahasa Kadazandusun di sekolah rendah.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini diperolehi daripada analisis data kuantitatif yang melibatkan 30 orang guru Bahasa Kadazandusun (BKD) di sekolah rendah daerah Ranau. Analisis dijalankan menggunakan statistik deskriptif iaitu kekerapan, peratusan dan nilai min bagi menilai keperluan pembinaan, reka bentuk serta tahap kebolegunaan Kit Media *KOKABUT* dalam pengajaran kosa kata Bahasa Kadazandusun. Analisis demografi menunjukkan bahawa daripada 30 responden, 18 orang (60%) ialah guru perempuan manakala 12 orang (40%) ialah guru lelaki. Majoriti responden berada dalam lingkungan umur 36–40 tahun (37%), diikuti 41–45 tahun (36%) dan 30–35 tahun (27%). Dari segi kelulusan akademik, 80% guru berkelulusan Ijazah manakala 20% berkelulusan Diploma. Selain itu, 70% guru mempunyai pengalaman mengajar BKD antara lima hingga sepuluh tahun, manakala selebihnya mempunyai pengalaman lebih daripada sepuluh tahun. Responden terdiri daripada guru dari enam buah sekolah rendah di daerah Ranau, iaitu SK Tibabar, SK Timbua, SK Naradan, SK Togop Darat, SK Pinawantai dan SK Tarawas.

Jadual 1 Ringkasan Dapatan Kajian

Objektif Kajian	Fokus Analisis	Dapatan Utama	Interpretasi
Objektif 1: Mengenal pasti keperluan pembinaan Kit Media <i>KOKABUT</i>	Keperluan bahan bantu mengajar, kesukaran murid menguasai kosa kata, serta penggunaan elemen budaya dalam PdP	Nilai min antara 3.33 – 3.63 dengan peratus persetujuan 90% – 100%	Guru BKD mengiktiraf keperluan tinggi terhadap bahan bantu mengajar berasaskan budaya tempatan. Kit Media <i>KOKABUT</i> dilihat sebagai intervensi pedagogi yang relevan untuk membantu murid memahami kosa kata Bahasa Kadazandusun.
Objektif 2: Membina Kit	Reka bentuk kit media, kesesuaian	Nilai min antara 3.50 –	Guru bersetuju bahawa Model ADDIE sesuai digunakan
Objektif Kajian	Fokus Analisis	Dapatan Utama	Interpretasi
Media <i>KOKABUT</i> berasaskan Model ADDIE	kandungan, penggunaan elemen visual dan budaya, serta struktur aktiviti PdP	3.67 dengan peratus persetujuan 97% – 100%	sebagai kerangka pembangunan kit media yang sistematik. Penggunaan ilustrasi busana tradisional dan aktiviti interaktif membantu meningkatkan keberkesanan pembelajaran kosa kata.
Objektif 3: Menilai tahap kebolegunaan Kit Media <i>KOKABUT</i>	Kesesuaian kandungan, kemudahan penggunaan, keberkesanan aktiviti dan kesan terhadap motivasi murid	Nilai min antara 3.30 – 3.67 dengan peratus persetujuan 90% – 100%	Kit Media <i>KOKABUT</i> dinilai mempunyai tahap kebolegunaan yang tinggi. Kit media dianggap praktikal, mesra guru, mudah digunakan serta mampu meningkatkan minat dan penguasaan kosa kata murid.

Jadual 1.1 Sintesis Keseluruhan Dapatan Kajian

Aspek Kajian	Julat Min	Peratus Persetujuan	Tahap
Keperluan pembangunan Kit Media <i>KOKABUT</i>	3.33 – 3.63	90% – 100%	Tinggi
Reka bentuk dan pembangunan berasaskan Model ADDIE	3.50 – 3.67	97% – 100%	Sangat Tinggi
Kebolegunaan Kit Media <i>KOKABUT</i>	3.30 – 3.67	90% – 100%	Tinggi

Berdasarkan dapatan kajian bagi Objektif Kajian 1, analisis menunjukkan bahawa tahap keperluan pembinaan Kit Media *KOKABUT* berada pada tahap yang tinggi, dengan nilai min antara 3.33 hingga 3.63 dan peratus persetujuan antara 90% hingga 100%. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru Bahasa Kadazandusun mengakui wujudnya cabaran dalam pengajaran kosa kata, khususnya dari segi kekurangan bahan bantu mengajar yang sesuai serta kesukaran murid memahami kosa kata yang berkaitan dengan unsur budaya tempatan. Situasi ini menggambarkan bahawa bahan pengajaran sedia ada, seperti buku teks, masih belum mencukupi untuk menyokong pengajaran kosa kata secara kontekstual dan bermakna. Oleh itu, pembangunan Kit Media *KOKABUT* dilihat sebagai satu intervensi pedagogi yang relevan bagi memenuhi keperluan sebenar bilik darjah. Dapatan ini selari dengan pandangan Creswell (2014) dan Sekaran dan Bougie (2016) yang menegaskan bahawa analisis keperluan merupakan langkah penting dalam pembangunan bahan pengajaran kerana ia memastikan sesuatu inovasi pendidikan dibina berdasarkan masalah sebenar dalam amalan pengajaran.

Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa guru bersetuju bahawa pengajaran kosa kata yang dikaitkan dengan elemen budaya tempatan, khususnya busana tradisional etnik Kadazandusun, dapat membantu murid memahami makna perkataan dengan lebih jelas. Hal ini menunjukkan bahawa pendekatan pembelajaran kontekstual yang menghubungkan bahasa dengan pengalaman budaya murid mampu menjadikan pembelajaran lebih bermakna dan relevan. Dapatan ini menyokong teori pembelajaran kontekstual yang dikemukakan oleh Johnson (2002), yang menegaskan bahawa pembelajaran menjadi lebih berkesan apabila isi pembelajaran dikaitkan dengan pengalaman sebenar pelajar. Dalam konteks pengajaran Bahasa Kadazandusun, penggunaan elemen budaya tempatan bukan sahaja membantu meningkatkan penguasaan kosa kata, malah turut menyumbang kepada pemeliharaan bahasa dan warisan budaya dalam kalangan generasi muda.

Bagi Objektif Kajian 2, dapatan menunjukkan, bahawa guru memberikan tahap persetujuan yang sangat tinggi terhadap kesesuaian pembinaan Kit Media *KOKABUT* berasaskan Model ADDIE. Hal ini menunjukkan bahawa guru mengiktiraf kepentingan pendekatan reka bentuk pengajaran yang sistematik dalam pembangunan bahan bantu mengajar. Model ADDIE yang merangkumi fasa analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian menyediakan kerangka pembangunan yang jelas dan terancang dalam memastikan bahan pengajaran yang dibina memenuhi keperluan pedagogi serta sesuai digunakan dalam bilik darjah. Dapatan ini selari dengan pandangan Branch (2009) serta Gustafson dan Branch (2002) yang menyatakan bahawa Model ADDIE merupakan salah satu model reka bentuk instruksional yang paling meluas digunakan dalam pembangunan bahan pengajaran kerana sifatnya yang sistematik dan fleksibel.

Selain itu, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa guru bersetuju bahawa penggunaan elemen visual seperti ilustrasi busana tradisional serta aktiviti pembelajaran yang pelbagai dan interaktif mampu meningkatkan penglibatan murid dalam pembelajaran kosa kata. Hal ini menunjukkan bahawa reka bentuk bahan pengajaran yang menggabungkan elemen visual, aktiviti interaktif serta konteks budaya mampu menyokong pembelajaran yang lebih aktif dan bermakna. Dapatan ini juga selari dengan teori konstruktivisme yang menekankan bahawa murid membina pengetahuan secara aktif melalui pengalaman

pembelajaran yang bermakna dan berkait dengan konteks kehidupan mereka (Piaget, 1977; Vygotsky, 1978). Dalam konteks kajian ini, penggunaan busana tradisional sebagai sumber pengajaran memberikan peluang kepada murid untuk mengaitkan kosa kata dengan pengalaman visual dan budaya yang dekat dengan kehidupan mereka.

Seterusnya, bagi Objektif Kajian 3, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kebolegunaan Kit Media *KOKABUT* berada pada tahap tinggi dengan nilai min antara 3.30 hingga 3.67 serta peratus persetujuan antara 90% hingga 100%. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru menilai kit media yang dibangunkan sebagai mudah digunakan, fleksibel serta sesuai diaplikasikan dalam pengajaran kosa kata Bahasa Kadazandusun di sekolah rendah. Persepsi positif ini mencerminkan bahawa reka bentuk kit media yang berasaskan kad imbas visual, aktiviti interaktif dan panduan penggunaan yang jelas mampu membantu guru melaksanakan pengajaran secara lebih berkesan.

Selain itu, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa Kit Media *KOKABUT* berpotensi meningkatkan minat dan motivasi murid terhadap pembelajaran Bahasa Kadazandusun. Penggunaan ilustrasi busana tradisional serta pendekatan pembelajaran berasaskan budaya membolehkan murid bukan sahaja mempelajari kosa kata, tetapi juga memahami makna budaya yang terkandung dalam bahasa tersebut. Hal ini selari dengan dapatan kajian Hashim dan Embi (2016) yang menyatakan bahawa integrasi unsur budaya dalam bahan pengajaran mampu menjadikan pembelajaran bahasa lebih bermakna serta meningkatkan minat murid terhadap kandungan pelajaran. Oleh itu, penggunaan Kit Media *KOKABUT* bukan sahaja menyokong penguasaan kosa kata, malah turut berfungsi sebagai medium pemindahan pengetahuan budaya kepada murid.

Secara keseluruhannya, perbincangan dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pembinaan Kit Media *KOKABUT* bukan sahaja memenuhi keperluan pengajaran kosa kata Bahasa Kadazandusun, tetapi juga selari dengan pendekatan pedagogi yang menekankan pembelajaran kontekstual, integrasi budaya serta reka bentuk pengajaran yang sistematik. Keselarasan antara keperluan guru, proses pembangunan kit media dan tahap kebolegunaan yang tinggi menunjukkan bahawa Kit Media *KOKABUT* berpotensi menjadi bahan bantu mengajar yang praktikal dan berkesan dalam menyokong pengajaran Bahasa Kadazandusun di peringkat sekolah rendah.

IMPLIKASI DAN CADANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pembinaan dan penggunaan Kit Media *KOKABUT* memberikan implikasi yang signifikan terhadap amalan pedagogi, peranan guru, pembelajaran murid serta pemeliharaan bahasa dan budaya etnik Kadazandusun. Dari sudut pedagogi, penggunaan kit media berasaskan elemen busana tradisional membuktikan bahawa pendekatan pengajaran yang kontekstual dan berteraskan budaya tempatan mampu meningkatkan keberkesanan pengajaran kosa kata Bahasa Kadazandusun di sekolah rendah. Integrasi elemen visual, aktiviti interaktif dan konteks budaya menjadikan pembelajaran lebih tersusun serta membantu murid memahami kosa kata secara konkrit dan berasaskan pengalaman sebenar.

Selain itu, kajian ini turut memberi implikasi kepada guru Bahasa Kadazandusun (BKD) dari segi peningkatan kecekapan pedagogi dan kemudahan dalam merancang pengajaran. Kit Media *KOKABUT* menyediakan bahan pengajaran yang sistematik dan mesra pengguna, sekali gus membantu guru melaksanakan pengajaran kosa kata secara lebih tersusun serta mengurangkan kebergantungan kepada bahan yang dibina secara sendiri. Dari perspektif murid, penggunaan kit media ini berpotensi meningkatkan kefahaman kosa kata, minat serta motivasi pembelajaran kerana kandungan pembelajaran dikaitkan secara langsung dengan budaya dan pengalaman kehidupan mereka.

Di samping itu, kajian ini juga mempunyai implikasi terhadap pelaksanaan Kurikulum Bahasa Kadazandusun di sekolah rendah. Penggunaan Kit Media *KOKABUT* menunjukkan

bahawa bahan pengajaran berasaskan budaya tempatan berpotensi menyokong pelaksanaan kurikulum secara lebih kontekstual dan bermakna. Secara tidak langsung, kit media ini turut berperanan sebagai medium pemeliharaan bahasa dan budaya etnik Kadazandusun melalui pengintegrasian unsur budaya tradisional dalam proses pengajaran dan pembelajaran formal di sekolah.

Berdasarkan dapatan kajian dan batasan penyelidikan, beberapa cadangan dikemukakan bagi memperkukuh pembangunan serta penggunaan Kit Media *KOKABUT* pada masa hadapan. Antaranya ialah menjalankan kajian keberkesanan secara empirikal terhadap pencapaian murid melalui reka bentuk kuasi-eksperimen yang melibatkan ujian pra dan ujian pasca bagi menilai impak sebenar kit media terhadap penguasaan kosa kata Bahasa Kadazandusun. Pendekatan ini dapat memberikan bukti kuantitatif yang lebih kukuh berkaitan keberkesanan kit media dalam meningkatkan pencapaian pembelajaran murid.

Selain itu, kajian lanjutan juga boleh memperluas skop kajian dari segi konteks geografi, populasi responden serta variasi budaya Kadazandusun. Kajian perbandingan yang melibatkan guru dan murid dari daerah atau subetnik yang berbeza dapat menilai tahap fleksibiliti dan kebolegunaan Kit Media *KOKABUT* dalam pelbagai konteks budaya. Di samping itu, pembangunan versi digital atau interaktif kit media juga dicadangkan bagi menyokong integrasi teknologi dalam pengajaran Bahasa Kadazandusun selaras dengan keperluan pendidikan abad ke-21.

Secara keseluruhannya, kajian lanjutan diharapkan dapat memperkukuh dapatan kajian sedia ada serta menyumbang kepada pembangunan bahan pengajaran Bahasa Kadazandusun yang lebih inovatif, kontekstual dan lestari, sekali gus menyokong usaha pemerksaan bahasa ibunda dan pemeliharaan warisan budaya etnik Kadazandusun melalui sistem pendidikan formal.

RUMUSAN

Secara kesimpilannya, kajian ini bertujuan membina dan menilai kebolegunaan Kit Media *KOKABUT* bagi menyokong pengajaran kosa kata Bahasa Kadazandusun di peringkat sekolah rendah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keperluan pembangunan kit media ini berada pada tahap yang sangat tinggi dalam kalangan guru Bahasa Kadazandusun, sekali gus mengesahkan bahawa kekurangan bahan bantu mengajar yang kontekstual dan berasaskan budaya tempatan masih menjadi cabaran utama dalam pengajaran kosa kata. Dapatan ini selari dengan pandangan Johnson (2002) dan Gay (2018) yang menegaskan bahawa pembelajaran bahasa menjadi lebih berkesan apabila kandungan pengajaran dikaitkan dengan konteks budaya serta pengalaman sebenar pelajar.

Selain itu, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa reka bentuk dan pembinaan Kit Media *KOKABUT* berasaskan Model ADDIE adalah sesuai dan sistematik dalam pembangunan bahan pengajaran. Guru memberikan respons positif terhadap aspek kandungan, penggunaan elemen visual, aktiviti pembelajaran berasaskan budaya serta keselarasan kit media dengan kurikulum sekolah rendah. Penemuan ini menyokong pandangan Branch (2009) dan Gustafson dan Branch (2002) yang menyatakan bahawa Model ADDIE menyediakan kerangka reka bentuk instruksional yang sistematik dan berkesan dalam pembangunan bahan pengajaran.

Penilaian kebolegunaan juga menunjukkan bahawa Kit Media *KOKABUT* berada pada tahap yang tinggi, dengan ciri mudah digunakan, mesra guru dan mampu meningkatkan minat serta kefahaman murid terhadap kosa kata Bahasa Kadazandusun. Dapatan ini selari dengan kajian Hashim dan Embi (2016) yang mendapati bahawa bahan pengajaran yang kontekstual dan relevan dengan pengalaman murid dapat meningkatkan penglibatan serta keberkesanan pembelajaran bahasa.

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa Kit Media *KOKABUT* bukan sahaja berfungsi sebagai bahan bantu mengajar yang praktikal, malah berpotensi menyokong pengajaran bahasa ibunda yang lebih relevan dan pengalaman pembelajaran murid. Di samping itu, penggunaan elemen budaya seperti busana tradisional dalam kit media turut menyumbang kepada usaha pemeliharaan bahasa dan warisan budaya etnik Kadazandusun melalui pendidikan formal. Hal ini selari dengan pandangan Fishman (1991) yang menegaskan bahawa pendidikan memainkan peranan penting dalam mengekalkan kelangsungan bahasa etnik dan identiti budaya masyarakat.

RUJUKAN

- A.Halim Ali (2019), *Pengetahuan Asas Penyelidikan Dalam Kesusasteraan Melayu*, Klang: MZ Edu Publication.
- Abdul Nassir, A., & Abdul Nassir Mohammad Mahadi. (2010). *Etnik dan budaya di Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Branch, R. M. (2009). *Instructional Design: The ADDIE Approach*. New York: Springer.
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches* (4th ed.). Thousand Oaks, CA: SAGE Publications.
- Fishman, J. A. (1991). *Reversing language shift: Theoretical and empirical foundations of assistance to threatened languages*. Multilingual Matters.
- Gay, L. R. (2018). *Educational research: Competencies for analysis and applications* (11th ed.). Boston: Pearson.
- Gustafson, K. L., & Branch, R. M. (2002). *Survey of instructional development models* (4th ed.). Syracuse, NY: ERIC Clearinghouse on Information & Technology.
- Hashim, H. & Embi, M. A. (2016). Penerapan Elemen Budaya dalam Pengajaran Bahasa: Satu Tinjauan. *Jurnal Pendidikan Bahasa*.
- Johnson, E. B. (2002). *Contextual Teaching and Learning: What It Is and Why It's Here to Stay*. Corwin Press.
- Julita Norjietta Taisin et al., 2022. Pengaruh kepercayaan dan kearifan tempatan terhadap amalan perubatan tradisional masyarakat Kadazandusun. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities* : VOL. 8: VOL 8, ISSUE 4, 2024 (2.10.2024)
- Julita Norjietta Taisin, et al. (2022). Keperluan bahan bantu mengajar berasaskan budaya dalam PdP Bahasa Kadazandusun. *Jurnal Pendidikan Etnik*, 6(2), 55–68.
- Julita Norjietta Taisin, et al. (2024). Pendekatan budaya dalam pengajaran bahasa etnik. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 49(1), 23–36.
- Julita Norjietta Taisin. (2018). *Cabaran pengajaran Bahasa Kadazandusun di sekolah rendah*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025*. Putrajaya: KPM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Dokumen Standard Kurikulum Bahasa Kadazandusun*.
- Piaget, J. (1954). *The construction of reality in the child*. New York: Basic Books.
- Piaget, J. (1970). *Science of education and the psychology of the child*. New York: Viking.
- Piaget, J. (1977). *The development of thought: Equilibration of cognitive structures*. Viking.
- Richey, R. C., & Klein, J. D. (2007). *Design and Development Research: Methods, Strategies, and Issues*. Lawrence Erlbaum.
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2016). *Research methods for business: A skill-building approach* (7th ed.). John Wiley & Sons.
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in Society: The Development of Higher Psychological Processes*. Harvard University Press.

- Wood, D., Bruner, J. S., & Ross, G. (1976). The role of tutoring in problem solving. *Journal of Child Psychology and Psychiatry*, 17(2), 89–100.
- Wulandari, R. (2021). *Vocabulary mastery and language proficiency*. *International Journal of Language Education*, 5(3), 112–121.